



## Permainan komputer di Cyberjaya



DAVID ARICOT/BERITA UTAMA

BADLISHAM (duduk kiri) dan Redza bersama pemain komputer di Cyberjaya.

CYBERJAYA: Cyberview usaha Cyberview mem- cherty; Naib Presiden AMD

## Alami dunia siber di CyberFusion 2009

CYBERJAYA - Cyberview Sdn Bhd dan Advanced Micro Devices (AMD) Malaysia bakal menganjurkan CyberFusion 2009 @ Cyberjaya pada 10 hingga 12 April ini di Universiti Multimedia, di sini.

Pengarah Urusan Cyberview, Redza Rafiq berkata, CyberFusion 2009@Cyberjaya adalah satu daripada usaha pihaknya menyokong perkembangan industri multimedia kreatif di negara ini.

"Sebagai pemilik hartanah Cyberjaya dan pemegang amanah untuk merajui pembangunan di sini, Cyberview mahu Cyberjaya menjadi sebuah lubuk bagi industri multimedia kreatif negara.

"Permainan siber sebagai salah satu elemen da-

lam bidang kreatif multimedia yang baru muncul ini adalah satu bidang yang mempunyai potensi menjadi landasan hiburan yang kuat di sini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang media mengenai Cyberfusion di Cyberview Lodge and Spa, di sini, semalam.

**fakta  
cerita**

Hadir sama, Pengarah Urusan AMD, Datuk Mohd Sofi Osman; Pengarah Urusan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Datuk Badlisham Ghazali, Timbalan Pengarah Urusan Kanan AMD, John Docherty dan Timbalan Pengarah AMD Singapura, Neoh Soon Ee.

Pada program tersebut menurutnya, lebih 1,000 peserta dari seluruh Asia dijangka menyertai per-

tandingan permainan berkomputer pelbagai jenis itu.

Sinar Harian difahamkan, sebanyak tiga bahagian akan berlangsung sempena program berkenaan iaitu One Nation Cyberjaya yang membolehkan negara mencatat rekod dunia dalam Pati LAN tanpa henti terpanjang melibatkan seramai 250 pemain yang akan bermain selama 38 jam tanpa henti.

Sementara bagi, One Nation Invitational pula, adalah komponen pertandingan melibatkan pemain terbaik negara dan negara luar bersaing dalam beberapa jenis permainan untuk merebut hadiah bernilai RM100,000.

Bagi Gamefest 2009 pula, adalah inisiatif yang diusahakan Game's Developer's Club Multi Media Universiti (MMU) dan



Redza (tengah) bergambar bersama tetamu lain selepas sidang media mengenai Cyberfusion di Cyberview Lodge and Spa, Cyberjaya, semalam.

AMD untuk memberi peluang kepada peminat permainan dunia siber untuk mengambil bahagian dalam acara yang disediakan.

Redza berkata, pihaknya

berbesar hati kerana turut mendapat sokongan MDeC sebagai agensi sokongan untuk Cyberfusion 2009@ Cyberjaya.

"Diharapkan kerjasama yang diberikan ini dapat di-

teruskan lagi demi melancarkan program ini kerana kita juga berharap menjadi pemangkin penganjuran Cyber Games Asian Championship 2010," katanya.